



Ruj. Kami : SPA.U(KT) 2936 Jld. 80 (46)
Tarikh : 11 Disember 2024 M
9 Jamadilakhir 1446 H

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA DAN PEMINJAMAN BERDASARKAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024 (PP 1/2024) - SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Selaras dengan perenggan 188, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 (PP 1/2024) - Sistem Saraan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya melalui Mesyuarat Bilangan 31/2024 (3038) pada 18 November 2024 telah membuat keputusan bagi pegawai yang sedang dalam tempoh pertukaran sementara/ peminjaman pada 1 Disember 2024, urusan pertukaran sementara/ peminjaman pegawai adalah mengikut opsiyen yang telah dipilih seperti berikut:

Menerima Opsyen	Menolak Opsyen
i. tempoh pelantikan secara pertukaran sementara/ peminjaman akan dipendekkan kepada 30 November 2024; dan	i. tempoh pertukaran sementara/ peminjaman dipendekkan kepada 30 November 2024; dan
ii. dilantik semula atas skim dan gred baharu SSPA yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 mengikut baki tempoh pertukaran sementara/ peminjaman sedia ada, tertakluk persetujuan Ketua Perkhidmatan.	ii. pegawai dikehendaki kembali ke Ketua Perkhidmatan untuk penempatan seterusnya.

3. Suruhanjaya juga bersetuju pelaksanaan pelarasan gaji pelantikan semula pertukaran sementara/ peminjaman atas skim perkhidmatan dan gred baharu SSPA dilaksanakan oleh Ketua Jabatan bagi jawatan pertukaran sementara/ peminjaman berdasarkan perenggan 189, PP 1/2024.

4. Pelarasan gaji SSPA hendaklah dilaksanakan mengikut gred gaji jawatan pertukaran sementara/ peminjaman manakala gaji di gred hakiki pegawai hendaklah diselaraskan secara isyarat. Simulasi pelarasan gaji adalah di **Lampiran**. Sekiranya amaun penetapan gaji pertukaran sementara/ peminjaman melebihi Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM), permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pewujudan jadual gaji Khas Untuk Penyandang.

5. Selain itu, kerjasama pihak Kementerian/ Jabatan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah dimohon untuk melengkapkan maklum balas melalui pautan <https://forms.gle/YohvZs3PEftLM6zN7> dan dikemukakan selewat-lewatnya pada **31 Disember 2024**.


6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)

CONTOH SIMULASI PENETAPAN GAJI

PEGAWAI PTD GRED M54 >> JUSA C

TARIKH	GAJI PEGAWAI GRED M54 (GRED HAKIKI) (RM)		GAJI PEGAWAI JUSA (C) (GRED PEMINJAMAN) (RM)		CADANGAN JPA GAJI PEGAWAI JUSA (C) GRED (PEMINJAMAN) (RM)
2020	9,775.77		9,775.77 +500.00 + Insentif peminjaman Gred 54 = 10,275.77		
2021	10,095.77	KGT RM320	11,200.59	9% KGT	
2022	10,415.77	KGT RM320	12,208.64	9% KGT	
2023	10,735.77	KGT RM320	13,307.42	9% KGT	
30.11.2024	11,055.77	KGT RM320	14,505.09	9% KGT	
01.12.2024	11,940.23	8% Pelarasan SSPA = RM884.46			*15,085.29
					4% Pelarasan SSPA = RM580.20

Gaji baharu SSPA =
Gaji hakiki pegawai pada
30.11.2024 + 8%

Pada 1.12.2024:

- Gaji baharu peminjaman SSPA diselaraskan berdasarkan gaji akhir peminjaman.
- Perbezaan amaun antara gaji hakiki dan gaji peminjaman hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan kadar insentif peminjaman yang ditetapkan.

* *no less favourable* daripada gaji akhir peminjaman